



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE

Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperek@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 3 (67)

Tarikh : 21 Zulhijjah 1446H

18 Jun 2025M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

**Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No.2 Tahun 2025**

**Pengecualian Pemakaian Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie No.8 Tahun 2023
Berkenaan Keperluan Pemfailan Kes Tuntutan Nafkah Anak
Bersama Kes Tuntutan / Permohonan Perceraian / Pembubaran Perkahwinan**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A / Y.A / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 28 Mei 2025 dan berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan arahan ini berhubung dengan pengecualian pendaftaran kes tuntutan /

permohonan perceraian atau pembubaran perkahwinan bersama tuntutan nafkah dalam keadaan-keadaan berikut:

- (a) pasangan tidak mempunyai anak;
- (b) terdapat persetujuan bahawa anak hasil perkahwinan dijaga sendiri oleh pihak bapa;
- (c) bapa sedang menjalani hukuman pemenjaraan/tahanan;
- (d) bapa ghaib / hilang / keberadaannya tidak diketahui yang menyebabkan kes diteruskan secara sebelah pihak;
- (e) bapa diiktiraf oleh undang-undang sebagai orang miskin atau orang tak berkeupayaan yang tidak mempunyai pendapatan;
- (f) anak telah melebihi tempoh hak nafkah senagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 80 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004;
- (g) anak tidak sah taraf atau anak angkat kecuali seorang lelaki yang bersetuju untuk membayar nafkah anak yang telah diterima sebagai ahli keluarga;
- (h) Anggota Tentera yang tertakluk di bawah Akta Angkatan Tentera 1972 / Kaedah-Kaedah / Peraturan-Peraturan ke atas seseorang dan / atau apa-apa statut dan undang-undang yang dikuatkuasakan ke atas seorang Anggota Angkatan Tentera DiRaja Malaysia.

Arahan amalan ini berkuatkuasa serta merta.



(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk

7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak